

AGIHAN DANA ZAKAT DALAM BENTUK PEMBIAYAAN MIKRO KREDIT

(ZAKAT FUND DISTRIBUTION IN MICRO CREDIT FINANCING PATTERN)

Muhammad Anas Ibrahim ¹
Aemy Aziz ²

¹ Pelajar Doktor Falsafah di Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia 11800 Minden, Pulau Pinang. E-mail: kwafid@gmail.com

² Pensyarah di Akademi Pengajian Islam Kontemporari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kota Samarahan, Sarawak. E-mail: aemy.aziz88@gmail.com

Accepted date: 30 Oktober 2017

Published date: 10 June 2018

To cite this document: Ibrahim, M. A., & Aziz, A. (2018). Agihan Dana Zakat Dalam Bentuk Pembiayaan Mikro Kredit . *Journal of Islamic, Social, economics and Development*. 3 (10), 71-86.

Abstrak: *Kertas kerja ini bertujuan melihat agihan zakat dalam bentuk pembiayaan mikro kredit daripada dana zakat. Kaedah agihan semasa ini lebih bersifat "one off". Namun, seringkali disalahgunakan atau dana yang disediakan tidak ada tanggungjawab daripada pihak penerima. Oleh itu, kaedah agihan zakat dalam bentuk pembiayaan mikro ini memberikan tanggungjawab bersama untuk dilakukan supaya dana yang diagihkan tidak mengalami kerugian. Persoalannya, apakah Persoalannya, apakah akan berlaku sekiranya suatu ketika kelak amaun pungutan zakat tahunan terjejas sedangkan golongan asnaf semakin bertambah? Apatah lagi pemberian modal kerja dalam bentuk mikro kredit yang ditawarkan ketika ini dikatakan tidak bebas daripada unsur-unsur riba. Dapatan daripada data primer dan sekunder memperlihatkan bahawa terdapat pandangan yang membenarkan agihan zakat diberikan secara pembiayaan mikro kredit untuk modal perniagaan atau modal tambahan mengembangkan perniagaan dalam kalangan usahawan asnaf. Akan turut dihujahkan bahawa telah ada definisi pembiayaan mikro kredit, hukum pembiayaan mikro kredit daripada dana zakat dan amalan pembiayaan mikro kredit daripada dana zakat di negara luar boleh dijadikan model untuk diaplikasikan di institusi-institusi zakat di Malaysia.*

Kata Kunci: *Pemikiran Islam, Budaya Islam, Keilmuan Islam, Politik Islam*

Abstract: *This working paper intend to see zakat distribution in micro credit financing pattern from zakat fund. Distribution method during this more characteristic "off one". However, often misused or fund prepared there has been no responsibility from recipients. Therefore, zakat distribution method in form this micro financing giving collective responsibility to be carried out so that fund distributed do not experience loss. The issue, what the questions, what will happen if once later amount annual zakat collection is decreases but*

member of asnaf increases? Let alone working capital grant in form micro credit offered currently said not free from usury elements. Retrieval from data primary and secondary show that there is view which allowed zakat distribution given by micro credit financing for business capital or additional capital expand business among asnaf entrepreneur. Will also presented is that there is micro credit financing definition, micro credit financing law from tithe fund and micro credit financing practice from zakat fund in foreign countries can be made into a model to be applied in tithe institutions in Malaysia.

Keywords: *Micro Credit Financing, Zakat Fund, Asnaf Entrepreneur*

Pendahuluan

Pensyariatian zakat bukanlah mekanisme untuk mengutip harta dan kekayaan bagi membantu golongan yang memerlukan dan yang lemah. Namun, matlamat yang utama kefardhuan zakat adalah meletakkan posisi manusia itu lebih mulia daripada harta kekayaan tersebut (Yusuf al-Qardawi, 2003).

Zakat juga merupakan nadi utama dalam membangunkan masyarakat untuk melengkap keperluan dalam kehidupan. Ia adalah alat atau mekanisme dalam kestabilan ekonomi Islam apabila dapat merapatkan jurang di antara golongan yang kaya dan miskin. Hal ini, turut memantapkan lagi keadilan sosial ekonomi di kalangan masyarakat (PatmawatiHj. Ibrahim, 2007). Turut diperkukuhkan kepada empat tujuan iaitu yang pertama, menyelesaikan masalah kemiskinan. Kedua, membina keadilan sosial. Ketiga, membangunkan masyarakat berdasarkan tolong-menolong, setia kawan dan mahabbah. Keempat, menghakis perasaan benci, dengki dan dendam yang terdapat kepada golongan yang kurang berkeupayaan (Musa Ahmad, Abd. Halim Mohd Noor, MujainiTarimin, Hasan Bahrom&ShawalKassim, 2006).

Walaupun begitu, terdapat lapan golongan yang mesti diberikan hak mereka ke atas harta zakat. Pertama, faqir¹, kedua, miskin², ketiga, *amil* iaitu orang yang dilantik untuk memungut dan menguruskan zakat, keempat, *mu'allaf* iaitu seseorang yang hatinya cenderung atau baru memeluk Islam, kelima, *riqab* iaitu hamba yang akan dimerdekakan tetapi tidak mencukupi wang tebusan, keenam, *gharimin* iaitu orang yang tidak mampu menjelaskan hutang, ketujuh, *fisabilillah* iaitu orang berjuang pada jalan Allah, kelapan, *ibnu sabil* merupakan para musafir yang kehabisan bekalan atau musafir yang ingin memulakan perjalanannya (Husain Husain Syahatah, 1994). Secara umumnya, kesemua golongan ini telah dijelaskan dalam al-Qur'an:

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

Maksudnya: “Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang mualaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang

¹ Menurut pandangan Imam Ahmad Ibn Hanbal golongan fakir merupakan mereka yang tidak mempunyai harta atau tidak mencukupi separuh daripada keperluan (Husain Husain Syahatah, 1994).

² Menurut pandangan daripada ulama mazhab syafei adalah golongan yang tidak mencukupi keperluan mereka yang diibaratkan seperti jika memerlukan sepuluh hajat tetapi yang dapat hanyalah tujuh sahaja (Yusuf al-Qardawi, 2003).

hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana (al-Taubah 9:60)”

Dalil di atas menunjukkan hak yang terdapat dalam dana zakat. Namun, dalam membantu golongan asnaf untuk mengeluarkan mereka daripada asnaf perlu diagihkan sehingga mencukupi keperluan mereka (Abu Ubayd, 1981). Dalam pengagihan yang produktif di lihat dana zakat ini mampu menjadi pembiayaan awam kepada sesebuah negara apabila diuruskan dengan baik (Abdul Ghafar Ismail & Nur Azura Sanusi, 2006).

Justeru, zakat menduduki tempat terpenting dalam dasar dan operasi fiskal Islam. Ia dianggap sebagai alat fiskal semula jadi yang dibekalkan oleh Allah SWT dan berfungsi sebagai alat agihan pendapatan secara adil serta penggalak kegiatan ekonomi negara. Berbeza dengan dasar fiskal konvensional, dasar fiskal Islam mengiktiraf zakat sebagai instrumen di samping cukai dan perbelanjaan kerajaan. Zakat adalah unik kerana ia merupakan instrumen semula jadi yang membantu keseimbangan pendapatan negara. Iaitu melalui pengagihan pendapatan daripada golongan kaya kepada kumpulan miskin. Menolong golongan miskin adalah kewajipan golongan kaya kerana daripada hartanya ada hak orang yang memerlukan. Melihat kepada peningkatan prestasi institusi pengurusan zakat di Malaysia sangat memberangsangkan. Kesan ini memberikan galakan kepada umat Islam untuk menyalurkan zakat kepada institusi tersebut.

Selain itu, tahap pengurusan institusi zakat dilihat semakin mempamerkan kualiti perkhidmatan yang profesional dan disegani oleh banyak pihak (Nurul Ilyana Muhd Adnan, 2015). Hal ini, memberikan impak kepada umat Islam di Malaysia memberikan kepercayaan kepada institusi zakat dengan menyalurkan zakat kepada golongan asnaf. Kesannya, hasil kutipan zakat meningkat di setiap institusi zakat pada setiap tahun dan keprihatinan dalam menunaikan kewajipan zakat semakin disedari (Mohamad Kamil Ab. Majid, 2009).

Kepercayaan kepada institusi zakat akan bertambah apabila dapat dibuktikan dengan menyelesaikan masalah besar umat Islam khususnya di Malaysia. Namun begitu, kutipan yang tinggi bukan penanda aras kejayaan tetapi sejauh mana kesan pengagihan kepada penyelesaian masalah ekonomi terhadap masyarakat Islam secara keseluruhannya. Dalam erti kata lain, zakat mampu menjadi pembiayaan awam kepada sesebuah negara apabila diuruskan dengan baik (Abdul Ghafar Ismail & Nur Azura Sanusi, 2006).

Terdapat beberapa institusi yang menyalurkan bantuan modal kepada golongan asnaf seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan TEKUN, institusi-institusi zakat dan Baitul Mal. Institusi-institusi tersebut menyalurkan bantuan berbentuk tunai peralatan dan bimbingan. Ini bertujuan meningkatkan pendapatan golongan asnaf sekali gus memperbaiki taraf kehidupan mereka. Hal ini, mampu berubah status golongan menerima zakat kepada golongan mengeluarkan zakat (Yusuf al-Qardawi, 2003). Tindakan sedemikian sejajar dengan Khalifah Umar al-Khattab yang pernah menyuruh Sua'ah dengan berkata:

كروا عليهم الصدقة وان راح احدكم مائة من الابل

“Apabila mengagihkan zakat kepada orang-orang miskin, berilah dengan berlebihan agar mereka berpuas hati; ulangi memberikannya kepada mereka walaupun mereka mendapat seratus ekor unta” (Abu ‘Ubayd, 1981:502).

Pensyaratan agihan zakat kepada golongan yang berhak bermatlamatkan untuk membasmi kemiskinan (Yusuf al-Qaradawi, 2003). Agihan ini boleh disalurkan dalam bentuk zakat produktif. Untuk mencapai matlamat agihan zakat produktif antaranya memberikan bantuan modal yang sederhana seperti pembiayaan mikro. Bantuan ini dapat mengembangkan perusahaan kepada skala yang berskala yang besar.

Bantuan modal perniagaan yang disediakan oleh institusi-institusi zakat dan Baitul Mal di Malaysia adalah berbentuk pemberian tanpa pembayaran semula. Ia diberikan dalam bentuk modal tunai atau dalam peralatan yang diperlukan dalam sesuatu perusahaan dilakukan (Rosbi Abd. Rahman, Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid, 2008).

Usahawan kecil boleh memperoleh bantuan modal perniagaan daripada institusi kewangan dan bukan kewangan. Antara modal niaga yang popular disediakan oleh institusi kewangan ialah melalui skim pembiayaan mikro. Selain daripada institusi bukan kewangan, bantuan modal perniagaan turut disediakan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Yayasan Tekun Nasional (TEKUN) dan institusi-institusi zakat dan Baitul Mal di Malaysia (Nurul Ilyana Muhd Adnan, 2015).

Pembiayaan mikro selalunya dilakukan pihak institusi kewangan atau bukan kewangan dibahagikan kepada dua jenis kaedah pembiayaan. Pertama, pembiayaan mikro secara Islam. Kedua, pembiayaan mikro secara konvensional. Namun, perbezaan antara kedua-dua pembiayaan ini adalah pembiayaan konvensional berasaskan riba yang dikenakan faedah bagi setiap pembiayaan atau pinjaman yang diberikan (Raziah Md. Tahir, 2014).

Justeru, dalam syariat membenarkan bermuamalat dalam pembiayaan mikro. Kontrak pembiayaan ini berlandaskan beberapa kontrak antaranya, *Musyarokat al-muntahiyat bil-tamlik*, *al-Ijarat al-muntahiyat bil-tamlik*, *qard al-hasan*, *murabahah* dan *mudarabah*. Kontrak tersebut merupakan cara pembiayaan bagi sesuatu perniagaan yang dijalankan (Hussain Hussain Syahatah, 2014).

Di keberkesanan pembiayaan daripada dana zakat boleh menyokong kemampuan masyarakat Islam berdaya maju dalam mengukuhkan lagi sumber kewangan mereka (Patmawati Ibrahim, 2016).

Hal ini, menggambarkan zakat mempunyai suatu cara pemangkin kepada golongan usahawan asnaf untuk terus berjaya dengan pembiayaan mikro ini. Kesannya, kewujudan kestabilan ekonomi, peningkatan pendapatan dan mengurangkan kadar kemiskinan (Patmawati Ibrahim, 2016).

Agihan Zakat Produktif melalui Pembiayaan Mikro

Agihan zakat adalah bersandarkan pada ayat al-Quran dalam surah al-Taubah³. Menurut Nurul Ilyana Muhd Adnan (2015:61), para ulama memberikan pentafsiran yang berbeza tentang ayat

³“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang

tersebut. Namun, sebilangan daripada mereka menjadikan ayat tersebut sebagai dalil yang membolehkan pembiayaan mikro daripada dana zakat.

Pengagihan yang mencapai matlamat agihan adalah melalui zakat produktif. Ia digunakan secara produktif dan berkesan (Patmawati Ibrahim, 2016). Menurut Nurul Ilyana Muhd Adnan (2015), kaedah yang dapat merealisasikan agihan adalah agihan dalam bentuk produktif. Antaranya, bantuan modal secara percuma atau pembiayaan mikro kredit. Agihan ni dapat mengurangkan jurang di antara golongan yang kaya dengan miskin.

Agihan zakat itu diberikan kepada asnaf sehingga mencukupi keperluan sehingga boleh mengeluarkan mereka daripada status asnaf (Abu 'Ubayd, 1981; Yusuf Qardawi, 2003). Oleh itu, kaedah zakat produktif melalui pembiayaan mikro dilihat selari dengan pandangan beliau. Ianya dapat membantu meningkatkan kegiatan ekonomi golongan asnaf. Kekangan yang dihadapi golongan usahawan asnaf adalah kekurangan dana untuk dikembangkan.

Di samping itu, pembiayaan mikro adalah mekanisme yang membantu golongan usahawan kecil dan sederhana mengembangkan perniagaan. Hal ini, telah dijelaskan oleh Ahmad Habib (2004), pembiayaan mikro dengan kaedah pinjaman qardul hasan di Iran telah menampakkan kejayaan kepada para petani dan peniaga dalam keperluan dana tambahan. Tambahan lagi, satu penyelidikan dilakukan di Bangladesh yang menunjukkan kaedah pembiayaan mikro ini menampak perkembangan yang positif kepada para peniaga kecil-kecilan dan pemilik warung dalam mengatasi masalah kewangan (M.A. Mannan, 1985).

Selain itu, Patmawati Ibrahim (2016), menjelaskan pada tahun 1950 bersamaan 1369 H kerajaan Pakistan mengujudkan persoalan untuk dibincangkan bolehkah dana zakat ini dipinjamkan tanpa sebarang faedah. Persoalan ini telah dibincangkan dengan mengharuskan pembiayaan mikro kepada usahawan asnaf bagi melakukan perubahan dalam sosial ekonomi (Hussain Hussain Shahatah, 2015).

Tambahan lagi, Majlis Feqh Islam (*Majlis Feqh al-Islami*) telah membincangkan dalam satu *conference* berkaitan pelaburan dana zakat, membenarkan pelaburan dana zakat dan akhirnya dimiliki kepada usahawan asnaf (Hussain Hussain Shahatah, 2015). Dalam erti kata, ia merupakan salah satu pembiayaan kepada usahawan asnaf yang memerlukan peralatan, tempat atau sebagainya dalam mengembangkan perniagaan yang dijalankan.

Menurut Yusuf al-Qardawi (2003), pinjaman daripada dana zakat adalah lebih utama daripada pinjaman yang berunsurkan riba. Bagi, dapat membantu usahawan mengelak daripada terjerumus muamalat yang berasaskan riba. Justeru, usahawan asnaf diharuskan menerima agihan zakat dalam bentuk pembiayaan mikro (Mujaini Tarimin, 2011). Menurut Patmawati Ibrahim (2016), dengan adanya pembiayaan mikro ni dapat mengekang kemaraan skim kredit ribawi. Implikasinya, akan membuka ruang kepada skim pembiayaan yang bebas daripada riba yang sudah pasti diharamkan dalam syariat.

Selain itu, Mujaini Tarimin (2011), turut mencadangkan satu mekanisme baru dalam pembiayaan mikro kredit terhadap sektor perkhidmatan, perniagaan, pendidikan dan

hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana (al-Taubah 9:60)".

pembuatan. Ia bersumberkan kepada dana zakat di atas penilaian syariah. Ini menjelaskan bahawa pembiayaan mikro dapat mengembangkan lagi sektor muamalat sehingga menjana kerancakan ekonomi. Oleh itu, akan membuka peluang yang luas kepada usahawan asnaf untuk menceburi lebih banyak sektor dan tidak tertumpu kepada sesuatu sektor sahaja.

Menurut Mujaini Tarimin (2011), berpendapat sepuluh peratus ke dua puluh peratus daripada dana zakat dijadikan pembiayaan mikro kepada sektor perniagaan, perkhidmatan, pembuatan dan pendidikan. Selain itu, pembiayaan mikro membantu mengekang kemiskinan dengan membuka peluang pekerjaan kepada golongan wanita. Ini dilihat skim pembiayaan mikro merupakan ruksah dalam menjana ekonomi golongan asnaf daripada dana zakat (Patmawati Ibrahim, 2016).

Secara kesimpulannya, pembiayaan mikro adalah salah satu sumber kewangan kepada golongan usahawan dalam mengembangkan perniagaan. Pembiayaan ini mestilah bebas daripada unsur riba yang menindas golongan yang lemah. Justeru, dengan adanya dana zakat mampu menjadikan sumber pembiayaan mikro yang bebas riba.

Definisi Pembiayaan Mikro

Sejak usaha yang dilakukan oleh Muhammad Yunus dan Bank Grameen di Bangladesh, bidang pembiayaan mikro berkembang dengan begitu pesat. Hari ini, pembiayaan mikro dikatakan sebagai sesuatu yang penting dalam sistem kewangan global. Terdapat lebih 1,400 institusi kewangan mikro yang disenaraikan di *Microfinance Information Exchange* (S. Nazim Ali, 2012).

Oleh itu, Langkah pertama dalam menjalankan program pembiayaan mikro adalah memahami definisi tersebut. Menurut Beatriz Armendariz & Marc Labie (2011:20), kerap kalinya pembiayaan mikro ini kurang jelas dari segi maksudnya. Oleh itu, definisi terhadap pembiayaan mikro diertikan kepada pinjaman mikro kredit bagi menyediakan perkhidmatan kewangan berskala kecil. Ia tertumpu kepada golongan yang mempunyai kesulitan untuk mendapat perkhidmatan kewangan di perbankan semasa. Penyediaan pembiayaan mikro ini kepada golongan berpendapatan rendah yang bekerja sendiri.

Menurut Joanna Ledgerwood (2000), definisi kepada pembiayaan mikro adalah satu kaedah pembangunan ekonomi yang memberikan manfaat kepada golongan *low-income* (pendapatan rendah) sama ada lelaki atau wanita. Manfaat ini berbentuk kepada pemberian pembiayaan kepada golongan yang berpendapatan rendah atau yang bekerja sendiri.

Berdasarkan kepada Robinson (2001), Bank Dunia telah mendefinisikan pembiayaan mikro sebagai perkhidmatan kewangan skala kecil untuk kredit dan simpanan yang diberikan kepada sektor pertanian dan perikanan yang melakukan perusahaan kecil atau barang yang dihasilkan, jualan, kitar semula, dan membaiki. Bagi perkhidmatan pula, pekerjaan mendapatkan komisen, pajakan atau sewaan tanah, sewa kenderaan, mesin dan jentera. Selain itu, golongan yang akan mendapat manfaat daripada pembiayaan juga terdiri masyarakat bandar dan luar bandar yang mereka melakukan kemajuan pada negara.

Definisi yang dikeluarkan Bank Negara Malaysia menjelaskan pembiayaan mikro adalah bertujuan untuk membantu golongan usahawan mendapatkan modal pusingan dan pembelian,

ia diberikan lingkungan RM 1,000 sehingga RM 50, 000. Pembiayaan bukan lah tujuan untuk peribadi tetapi untuk membiayai sesebuah perniagaan perusahaan mikro.

Secara kesimpulannya, pembiayaan mikro adalah sesuatu dana yang disediakan kepada golongan usahawan kecil untuk membantu mengembangkan perniagaan yang dijalankan dan bukan digunakan untuk kegunaan peribadi. Ia satu kaedah pembangunan ekonomi untuk membantu golongan yang mempunyai pendapatan rendah bagi meningkatkan pendapatan.

Hukum Pembiayaan Mikro Kredit Daripada Dana Zakat

Melihat kepada kaedah agihan pembiayaan mikro kredit ini lebih kepada sesuatu ijtihad yang baru berdasarkan daripada ayat al-Quran dalam surah al-Taubah (9:60). Menurut Nurul Ilyana Muhd Adnan (2016), berdasarkan kepada ayat tersebut para ulama memberikan pelbagai hukum yang berbeza dalam kaedah agihan kepada golongan asnaf.

Oleh itu, menurut al-Sayuti (2006), ayat tersebut menjadikan dalil kepada kaedah agihan zakat yang dilaksanakan oleh Baginda Nabi SAW kepada golongan asnaf. Hal ini berdasarkan satu Hadith⁴ yang bermartabat Marfuq menjelaskan hukum agihan zakat hendak berlaku adil pembahagian harta zakat ini.

Menurut Nurul Ilyana Muhd Adnan (2015), hukum membolehkan dana zakat diberikan dalam bentuk pembiayaan mikro kredit berdasarkan kefahaman bahasa ke atas ayat dalam surah at-Taubah. Perbezaannya pada huruf *li* (untuk) dan *fi* (pada) pada ayat tersebut. Hal yang sama turut dibincangkan oleh Hasanah Abd Khafidz (2006:86), bahawa huruf *li* pada awal kalimah fakir, miskin, amil dan mu'alaf. Membawa maksud kepunyaan atau hak kepada golongan tersebut. Manakala, huruf *fi* diletakkan pada awal perkataan hamba yang ingin merdeka, orang yang berhutang, orang yang berjihad pada jalan Allah dan orang yang bermusafir. Menjelaskan kepada kebebasan kepada golongan tersebut menggunakan agihan harta zakat berdasarkan kepada keperluan mereka.

Tambahan lagi, menurut Hasanah Abd Khafidz (2006), penggunaan huruf *li* adalah berasal daripada huruf *lam* yang dikategorikan sebagai huruf *lam al-idafah* iaitu *lam* yang digunapakai membawa kepada empunya sesuatu pemiliknya atau di sandarkan kepada sesuatu yang boleh dimiliki orang yang berhak memilikinya. Antara *lam al-idafah* ialah *lam al-mulki* iaitu pemilikan dan *lam al-tamliki* iaitu pindahan hak milik. Di sini Allah S.W.t menyatakan pemilikan harta zakat adalah hak mutlak golongan fakir, miskin, amil dan mu'alaf.

Menurut Hasanah Abd Khafidz (2006), Menggunakan huruf *fi* pula tergolong dalam *al-hurf jar* iaitu perkataan yang tidak mempamerkan apa-apa makna jika bersendirian. Ia akan memberikan makna jika diletakkan dengan perkataan lain dalam susunan ayat. Kebanyakan ulamak menyatakan penggunaan *fi* dalam pengagihan zakat kepada golongan hamba, orang yang berhutang, *fi sabilillah* dan *ibnsabil* adalah berkaitan dengan kemaslahatan. Mereka sama sekali tidak mempunyai hak peribadi terhadap harta tersebut.

⁴ Daripada Abu Said al-Khudri. a berkata " ketika kami bersama dengan Rasulullah SAW yang mengagihkan harta rampasan perang, maka datang seorang lelaki daripada bani Tamim lalu berkata: Belaku adillah. Lalu Rasulullah SAW berkata: Celakalah kamu, tidak ada lagi siapa melakukan adil lagi melainkan aku, maka sesungguhnya kamu telah rugi seandainya aku tidak berlaku adil." (Muslim, No:1765)

Menurut Mujaini Tarimin (2005), kelangsungan pemilikan harta zakat kepada golongan fakir, miskin, amil dan mualaf ini seharusnya mempunyai kaedah agihan yang berkesan supaya memberikan impak kepada sektor sosial, ekonomi, kerohanian dan pendidikan. Oleh itu, keselarian daripada penggunaan huruf *li* pada awal perkataan *fugara*’ memberikan erti kepada pemilikan golongan ini (Ibn ‘Arabi, 1974). Dalam bidang ekonomi kaedah yang digunakan adalah pengagihan zakat melalui zakat produktif (Zahri Hamat, 2010).

Menurut Sanep Ahmed (2009:67), agihan yang produktif sudah pasti diberikan supaya memenuhi keperluan sara hidup atau bantuan yang mampu mengeluarkan mereka daripada golongan asnaf. Kaedah yang memberikan kesan adalah pemberian dalam bentuk modal bagi memulakan sesuatu perniagaan.

Hal ini, berdasarkan kepada fatwa yang dikeluarkan bagi melakukan pembaharuan dalam pembaharuan dan agihan dana zakat ini. Pembaharuan ini di adakan pada 23 mac 1998 yang memutuskan untuk menerima dan bersetuju dengan pembaharuan yang baru dalam pelaksanaan agihan modal melalui konsep bayar semula (Jawatan Kuasa Perundangan Hukum Syarak Negeri Selangor, 2014).

Menurut Hussain Hussain Syahatah (t.t), para ulama ekonomi Islam meletakkan kepentingan dalam pengagihan zakat kepada golongan yang sepatutnya iaitu fakir dan miskin supaya pengagihan itu tidak berlaku kerugian dan pembaziran. Pengagihan itu supaya meningkatkan taraf kehidupan golongan asnaf terutama fakir dan miskin. Golongan tersebut boleh diberikan harta zakat sebagai modal permulaan dalam penglibatan untuk kegiatan ekonomi (Hussain Hussain Syahatah, t.t).

Agihan ini selari dengan kaedah yang dikeluarkan oleh Yusuf al-Qardawi ialah kefardhuan zakat oleh Allah S.W.T sebagai mengukuhkan agama Islam dengan pengagihan zakat kepada golongan fakir dan miskin ini dalam memenuhi keperluan asas fizikal dan mental. Keperluan fizikal dijelaskan sebagai makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal serta perkahwinan. Manakala, keperluan mental seperti ilmu berkaitan keusahawanan sehingga membolehkan mereka terlibat secara langsung dalam kegiatan ekonomi.

Mekanisme Pembiayaan Mikro Daripada Dana Zakat

Pembasmian kemiskinan merupakan satu matlamat yang penting dalam sistem ekonomi Islam. Institusi yang menyediakan pembiayaan mikro boleh memainkan peranan yang penting untuk mencapai matlamat ini. Dengan adanya pembiayaan mikro ini secara tidak langsung akan membantu golongan miskin terkeluar daripada kepompong kemiskinan. dengan adanya gabungan instrumen ekonomi Islam⁵ ini akan dapat membiayai golongan miskin melakukan perusahaan kecil (Habib Ahmed, 2012).

Dalam pecahan bab feqh pula, terdapat instrumen yang tidak berasaskan keuntungan daripada dana yang diperoleh, seperti waqaf, hibbah, wasiat, jua’lah, qardhassan dan zakat. Menurut Habib Ahmed (2012), zakat sebagai kewajipan dalam Islam yang mempunyai hubung kait tentang ekonomi yang memberikan manfaat kepada penerima secara langsung. Dana zakat ini

⁵ Menurut Habib Ahmed (2012:30), instrumen ekonomi Islam ini terdiri daripada zakat, wakaf, qardhassan dan sedekah boleh memberikan impak yang besar dalam pembasmian kemiskinan.

dihasilkan daripada harta kekayaan daripada kalangan umat Islam dan diberikan pulangan kepada golongan yang miskin sebagai mencapai pembebasan ekonomi mereka.

Menurut Phamawati Ibrahim (2016), instrumen jenis sedemikian rupa boleh dijadikan sumber pembiayaan mikro dan bantuan kewangan bagi meningkatkan taraf sosio-ekonomi golongan miskin.

Oleh itu, pembiayaan mikro adalah salah satu cabang daripada muamalat. Ia memberikan kesan kepada perniagaan kecil-kecilan untuk mengembangkan perniagaan. Menurut Phatmawati Ibrahim (2016), kekangan mendapatkan dana menjadikan usahawan asnaf tidak dapat mengembangkan perniagaan. Namun, dengan adanya pembiayaan mikro dapat melonjakkan peratusan pengurangan usahawan asnaf kepada pembiayaan melibatkan riba (Mufid Abdul Lawi dan NajiyahSollahi, t.t).

Menurut SulaimanNaser dan 'Awatif Mohsen (2011), menjelaskan terdapat kaedah pembiayaan yang boleh dilakukan terhadap pembiayaan mikro adalah dengan Qardu Hasan (hutang tanpa faedah). Ia memberikan sokongan dana terutama golongan yang baru menceburi bidang perniagaan. Pembiayaan ini boleh dijalankan dengan pelbagai *siggah*(Lazaf atau akad). Menurut HussainHussainSyhatah (2015), akad dalam pembiayaan mikro dipecahkan kepada beberapa jenis antaranya, *MusyarakahMuntahiyahBitamlik* (perkongasian yang diakhiri dengan pemilikan), *al-Ijarah al-MuntahiyahBitamlik* (sewaan yang diakhiri dengan pemilikan), *al-Baie' al-Ajil wa al-Sadadu 'ala Aqsat* (jualan tangguh dengan pembayaran secara ansuran) dan *Qardu Hassan* (hutang tanpa faedah). Sebarang pembiayaan mikro yang melibatkan riba adalah menyalahi prinsip syariah, maka ia ditegah sama sekali.

Tambahan lagi, pembiayaan mikro boleh juga melibatkan kepada akad yang lain bagi mengembangkan kaedah pembiayaan kepada golongan usahawan asnaf yang ingin mendapatkan pembiayaan. Menurut Muhammad Abdul al-Halim Umar (t.t), menjelaskan tiga konsep pembahagian pembiayaan kepada usahawan. Pertama, konsep jaminan perniagaan (*'ala al-Itman al-Tijari*). Kedua, konsep perkongsian (*'ala Musyarakah*). Ketiga, tolong menolong dalam kebaikan (*'ala al-Birri wa al-Ehssan*). Akad konsep pertama iaitu, *Baie' al-Sallam, al-Istisna'* dan *al-Ijarah wa al-Ijarah al-Muntahiyah*. Akad Konsep kedua, *al-Mudharabah, al-Musaqah, al-Mujara'ah* dan *al-Mugharasah*. Akad konsep ketiga, *al-Sadaqah al-Tatowu'* dan *Qardhassan*.

